
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

BZT 211/3 – Zoologi Invertebrata

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA daripada ENAM soalan yang diberikan dalam Bahasa Malaysia

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

....2/-

1. Dengan bantuan gambarajah, huraikan tiga bentuk sistem terusan yang terdapat dalam organisma filum **Porifera**.
(20 markah)

2. Huraikan kitar hidup untuk satu organisma **Apicomplexa** yang parasitik.
(20 markah)

3. Tuliskan esei mengenai:
 - [a] Strobilasi
(10 markah)
 - [b] Kelas Scaphopoda.
(5 markah)
 - [c] 'Aristole's Lantern'
(5 markah)

4. [a] Dengan bantuan gambarajah berlabel, terangkan kitar hidup *Clonorchis sinensis*. Apakah nama famili ikan yang terlibat dalam kitar hidup ini?
(15 markah)

- [b] *Taenia solium* dan *Taenia saginata* ialah cacing pita yang menjangkiti haiwan ternakan.
 - [i] Berikan nama tempatan untuk haiwan yang dijangkiti oleh *Taenia solium* dan *Taenia saginata*?
(2 markah)
 - [ii] Merujuk kepada kitar hidupnya, dimanakah tempat berlakunya peringkat infektif untuk kedua-dua cacing pita berkenaan
(1 markah)

- [iii] Antara kedua-dua spesies cacing di atas yang manakah lebih berbahaya kepada manusia?
(1 markah)
- [iv] Kenapakah salah satu cacing pita berkenaan lebih berbahaya kepada manusia?
(1 markah)
5. [a] Bincangkan perbezaan dan persamaan yang terdapat dalam filum Artropod dan Anelid.
(15 markah)
- [b] Di manakah di dalam jasad manusia, cacing dewasa berikut dapat dijumpai?
- [i] *Enterobius vermicularis*
(1 markah)
- [ii] *Trichinella spiralis*
(1 markah)
- [iii] *Ascaris lumbricoides*
(1 markah)
- [iv] *Wuchereria bancrofti*
(1 markah)
- [v] *Necator americanus*
(1 markah)
6. Dengan bantuan gambarajah, huraikan mekanisme penerbangan yang berlaku dalam serangga.
(20 markah)